

Jangan gadai maruah kerana cinta

KUALA LUMPUR 8 Jan. – Golongan gadis tidak seharusnya terpedaya sehingga menggadai maruah kepada mana-mana lelaki demi hanya untuk mendapatkan cinta.

Ketua Sub-unit Seksualiti Bahagian Reproduksi Manusia Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Dr. Hamizah Mohd. Hassan berkata, tanggapan terhadap seks di kalangan remaja perempuan dan lelaki sering berbeza hingga menyebabkan ramai gadis terpedaya dengan membenarkan diri mereka dijadikan tempat melampias nafsu semata-mata.

Katanya, kebanyakan gadis yang tertipu menganggap mereka perlu memberi segalanya termasuk dinodai sebagai bukti cinta sebenar sedangkan lelaki menganggap ia tidak lebih daripada memuaskan nafsu.

“Remaja perempuan lebih emosi dalam perkara ini. Kebanyakan mereka yang tertipu seringkali menyimpulkan bahawa seks merupakan salah satu daripada ‘adat bercinta’.

“Sedangkan di pihak lelaki, mereka langsung tak mengendahkan semua itu selain mahu memuaskan nafsu,” katanya pada sesi ceramah pertama *Kempen Kami Prihatin* peringkat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Auditorium Utama uni-



DR. TENGKU Naufal Tengku Mansor (kanan) berkongsi pandangan mengenai penyakit gejala sosial termasuk pembuangan bayi. Di kiri ialah Dr. Hamizah Mohd. Hassan dan tengah Akhil Hayy.

versiti berkenaan, di sini hari ini.

Dalam sesi sama, peguam bela dan peguam cara terkenal, Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor pula meminta remaja berhati-hati dalam berkawan ser-

ta bijak memilih tindakan yang hendak dilakukan bersama bagi mengelak terjebak dalam gejala tidak sihat.

Perkara itu, katanya, perlu kerana pengaruh rakan-rakan dikenal pasti

sebagai faktor utama kepada masalah sosial yang kian menular di kalangan remaja kini.

Katanya, fakta tersebut dibuktikan menerusi kajian oleh Pengarah Pusat

Kokurikulum, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran pada Disember 2009.

“Kajian itu menunjukkan lebih 80 peratus remaja berusia 13 hingga 25 tahun yang terlibat dalam salah laku seksual dan gejala seks bebas melakukannya kerana terpengaruh dengan ajakan rakan.

“Bukan salah berkawan dengan golongan seperti ini tetapi kalau boleh, elakkan. Kalau berkawan juga, jauhan diri apabila mereka mahu lakukan perkara tidak sihat,” katanya.

Sementara itu, juara program realiti Imam Muda, Muhammad Asyraf Mohd. Ridzuan meminta masyarakat tidak hanya menuding jari pada golongan remaja terhadap peningkatan masalah sosial.

“Tidak semua remaja berzina dan membuang anak. Justeru masyarakat janganlah memandang serong terhadap golongan tersebut dengan memulaukan mereka.

“Selainnya bimbing golongan ini supaya tidak terus melakukan perbuatan berdosa itu. Semua pihak termasuk ibu bapa dan guru juga memainkan peranan,” katanya.

Dalam program itu, penceramah bebas, Akhil Hayy bertindak sebagai moderator.